



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[IMPLEMENTING THE MUAMALAT OF THE PROPHET AND FRIENDS TO NON MUSLIM AND MACMA EXPERIENCES IN TERENGGANU]

MENELADANI MUAMALAT NABI DAN PARA SAHABAT TERHADAP NON MUSLIM SERTA PENGALAMAN MACMA DI TERENGGANU

ROSMALIZAWATI AB RASHID¹, NORHANA ABDULLAH @ NG SIEW BOEY² & MOHAMED FATHY
MOHAMED ABDELGELIL¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

² MACMA Terengganu, 20400, Kuala Terengganu, Terengganu

*Corresponding Author: rosma@unisza.edu.my

Received Date: 15 January 2021 • Accepted Date: 15 June 2021

Abstract

Al-Quran and al-Sunnah have recorded that the best period is in the period of the Prophet Muhammad SAW and his companions. Engraved a bond of brotherhood that led to the progress of the civilization even became the backbone of the strength of the ummah at that time. The public also knows that the society formed at that time consisted of a pluralistic society, represented by various races, ethnicities and religions but the harmony and unity built proves that there are concepts that need to be traced and adapted in order to be practiced and used as a guideline for this multiracial society in Malaysia. Therefore, this paper uses the library research methodology to examine how Rasulullah SAW educate his companions and their practice in preserving the harmony of society. This study also making an observation on the methods used by MACMA as an NGO dealing with non-Muslims and converts. As a result, there are various examples of the way the Prophet SAW and his companions in dealing with Non-Muslim communities can be adapted in our society, especially in Malaysia. It is hoped that the field-based approaches with this multi-racial society will continue to be practiced in our society today.

Keywords: Muamalat of the Prophet, ukhuwah, unity, Madani society, pluralistic society

Abstrak

Al-Quran dan al-Sunnah telah mencatatkan sebaik-baik kurun adalah pada kurun baginda Muhammad SAW bersama para sahabat. Terukir satu jalinan ukhuwah yang membawa kepada kemajuan tamadun tersebut bahkan menjadi tunjang kepada kekuatan ummah pada masa itu. Umum juga mengetahui masyarakat yang terbentuk pada waktu itu terdiri daripada masyarakat pluralistik, diwakili oleh pelbagai kaum, bangsa dan agama namun keharmonian dan perpaduan yang terbina membuktikan ada konsep yang perlu diselusuri dan diadaptasi agar dapat dipraktikkan dan dijadikan panduan bagi masyarakat berbilang kaum di Malaysia ini. Lantaran itu, kertas kerja ini menggunakan kaedah analisis dokumen untuk mengupas berkenaan didikan

Rasulullah s.a.w terhadap para sahabat baginda dan praktis mereka dalam memelihara keharmonian masyarakat, membuat pemerhatian terhadap kaedah yang digunapakai oleh MACMA sebagai sebuah NGO yang bermuamalat dengan non-muslim serta mualaf. Hasil daripada itu, terdapat pelbagai contoh cara nabi s.a.w dan para sahabat baginda dalam bermuamalat dengan masyarakat Non Muslim yang dapat diadaptasi dalam masyarakat kita khususnya di Malaysia. Adalah diharapkan pendekatan-pendekatan yang bersifat lapangan bersama masyarakat berbilang bangsa ini akan terus diamalkan dalam masyarakat kita pada hari ini.

Kata kunci: Muamalat Nabi, Ukhuwah, Perpaduan, Masyarakat Madani, Majmuk.

Cite as: Rosmalizawati Ab Rashid, Norhana Abdullah @ Ng Siew Boey & Mohamed Fathy Mohamed Abdelgelil. 2021. [Implementing The Muamalat of The Prophet and Friends to Non Muslim and Macma Experiences in Terengganu] Meneladani Muamalat Nabi dan Para Sahabat Terhadap Non Muslim Serta Pengalaman Macma di Terengganu. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(2): 194-206.

PENDAHULUAN

Lakaran sejarah tidak lekang dari membicarakan berkenaan kurun hadirnya seorang Nabi dan Rasul yang agung, baginda Muhammad s.a.w. Baginda membawa rahmat, menjadi contoh terbaik dalam mendidik para sahabatnya bahkan mengangkat martabat mereka menjadi satu kaum yang terbaik pada kurun yang terbaik. Ketinggian budi pekerti, kehebatan didikan baginda s.a.w terhadap para sahabat baginda bukan sekadar dipapar pada tulisan sejarah, namun al-Quran dan al-Sunnah mengiktiraf keadilan dan kemuliaan mereka. Oleh sebab itulah, menjadi pendirian umat Islam untuk menilai para sahabat baginda menerusi kedua-dua sumber tertinggi ini.

Artikel ini akan mengupas berkenaan dalil-dalil al-Quran dan Hadith tentang ketinggian akhlak Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabat baginda *radhiallahu 'anhum*. Contoh pergaulan dan cara Nabi SAW serta para sahabat dengan masyarakat non Muslim. Seterusnya menelusuri pengalaman NGO Macma sepanjang penglibatan mereka bersama masyarakat Cina non Muslim di Terengganu.

Kemuliaan Para Sahabat

Antara bukti mereka adalah generasi terbaik untuk dijadikan contoh dapat diperhati dari hujah-hujah ini, al-Quran menjelaskan sikap dan akhlak para sahabat Nabi Muhammad ini telah disebutkan di dalam kitab-kitab sebelum al-Quran iaitu Taurat dan Injil:

Muhammad itu adalah utusan Allah dan orang-orang yang bersama dengan dia adalah keras terhadap orang-orang kafir, tetapi berkasih sayang sesama mereka. kamu lihat mereka ruku' dan sujud mencari karunia Allah dan keridhaan-Nya, tanda-tanda mereka tampak pada muka mereka dari bekas sujud. Demikianlah sifat-sifat mereka dalam Taurat dan sifat-sifat mereka dalam Injil, yaitu seperti tanaman yang mengeluarkan tunasnya Maka tunas itu menjadikan tanaman itu

kuat lalu menjadi besarlah dia dan tegak lurus di atas pokoknya; tanaman itu menyenangkan hati penanam-penanamnya Karena Allah hendak menjengkelkan hati orang-orang kafir (dengan kekuatan orang-orang mukmin). Allah menjanjikan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal yang saleh di antara mereka ampunan dan pahala yang besar.

(al-Qur'an, al-Fath, (48): 29)

Ibn Kathir apabila mentafsirkan ayat ini menjelaskan bahawa Allah memberitahu tentang sifat Nabi Muhammad s.a.w bahawa baginda adalah seorang rasul yang benar dan tidak perlu diragukan lagi, di mana ia mencakupi seluruh sifat yang baik. Kemudian diberikan pujian secara khusus bagi para sahabat baginda apabila Allah mengatakan:

dan orang-orang yang bersama dengan dia adalah keras terhadap orang-orang kafir, tetapi berkasih sayang sesama mereka.

Beliau juga menjelaskan ayat: tanaman itu menyenangkan hati penanam-penanamnya Karena Allah hendak menjengkelkan hati orang-orang kafir (dengan kekuatan orang-orang mukmin) menunjukkan bahawa; ayat inilah yang diangkat oleh Imam Malik di dalam sebuah riwayat dari beliau untuk mengkafirkan kaum syiah Rafidhah yang membenci para sahabat. (Ibn Kathir, t.th).

Para Sahabat Mendapat Jaminan

Kemuliaan para sahabat bukan sekadar di dunia, namun mereka telah diberi jaminan syurga, lambang keadilan, sikap dan akhlak mereka telah diperakui oleh Allah s.w.t:

Dan Mengapa kamu tidak menafkahkan (sebagian hartamu) pada jalan Allah, padahal Allah-lah yang mempusakai (mempunyai) langit dan bumi? tidak sama di antara kamu orang yang menafkahkan (hartanya) dan berperang sebelum penaklukan (Mekah). mereka lebih tinggi derajatnya daripada orang-orang yang menafkahkan (hartanya) dan berperang sesudah itu. Allah menjanjikan kepada masing-masing mereka (balasan) yang lebih baik. dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.

(al-Qur'an, al-Hadid, (57):10)

Kemuliaan para sahabat bukan sekadar di dunia, namun mereka telah diberi jaminan syurga, lambang keadilan, sikap dan akhlak mereka telah diperakui oleh Allah s.w.t:

Dan Mengapa kamu tidak menafkahkan (sebagian hartamu) pada jalan Allah, padahal Allah-lah yang mempusakai (mempunyai) langit dan bumi? tidak sama di antara kamu orang yang menafkahkan (hartanya) dan berperang sebelum penaklukan (Mekah). mereka lebih tinggi derajatnya daripada orang-orang yang menafkahkan (hartanya) dan berperang sesudah itu. Allah menjanjikan kepada masing-masing mereka (balasan) yang lebih baik. dan Allah mengetahui apa

yang kamu kerjakan.

(al-Qur'an, al-Hadid (57):10)

Keredhaan Allah dan Rasul Bersama Para Sahabat

Imam al-Bukhari menyebut di dalam Sahihnya daripada Jabir r.a berkata:

Bersabda Rasulullah s.a.w kepada kami pada hari Hudaibiyah (ketika Bai'ah al-Ridhwan): "Kamu semua adalah sebaik-baik penghuni bumi". Pada waktu itu kami seramai seribu empat ratus orang.

(Sahih al-Bukhari dan Muslim)

Allah Taala juga berfirman:

Sesungguhnya Allah telah ridha terhadap orang-orang mukmin ketika mereka berjanji setia kepadamu di bawah pohon. Maka Allah mengetahui apa yang ada dalam hati mereka lalu menurunkan ketenangan atas mereka dan memberi balasan kepada mereka dengan kemenangan yang dekat (waktunya).

(al-Qur'an, al-Fath, (48):18)

Dalil-dalil ini hanyalah secebis dari pengiktirafan yang dinyatakan oleh Allah dan RasulNya. Terdapat banyak lagi ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith yang menyebut tentang keistimewaan para sahabat secara umum mahupun secara khusus. Ini menggambarkan ketinggian dan kemuliaan mereka adalah satu perkara yang tidak dapat dipertikaikan lagi. Imam al-Bukhari menyebut berkenaan para sahabat Nabi di dalam satu bab yang dinamakan *Fadhail Ashab al-Nabi* (kelebihan para sahabat Nabi), begitu juga kitab-kitab hadith yang lain.

Oleh sebab itu, kertas kerja ini memfokuskan kepada contoh akhlak Nabi yang ditonjolkan sewaktu baginda masih hidup seterusnya menelusuri sikap dan akhlak para sahabat nabi sepanjang muamalat mereka samada sesama muslim mahupun terhadap bukan Islam.

Walaupun bagaimanapun kertas kerja ini hanya memfokuskan kepada beberapa perkara asas dan beberapa contoh yang relevan agar dapat dijadikan panduan bagi umat Islam untuk diadaptasikan di dalam kehidupan seharian serta memberikan perhatian terhadap muamalat yang sepatutnya diamalkan terhadap orang bukan Islam. Natijah daripada adaptasi ini diharapkan menjadi titik tolak yang baik dalam menjalani kehidupan di dalam masyarakat berbilang kaum.

CONTOH MUAMALAT NABI TERHADAP MASYARAKAT BUKAN ISLAM

1. Membuat Perjanjian Hubungan Orang Islam dengan Bukan Islam

Ketika Nabi Muhammad s.a.w mula mengambil alih pemerintahan di Madinah, umum mengetahui masyarakat yang bakal baginda pimpin terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Walaupun boleh dikatakan majoriti umat pada masa itu telah memeluk Islam namun masih terdapat beberapa suku kaum yang masih belum menganut Islam. Antara asas utama yang

digariskan oleh Rasulullah s.a.w berkait dengan non-Muslim ialah membuat perjanjian (dustur) yang mengatur kehidupan sesama kaum Muslimin dan menjelaskan hubungan mereka dengan orang-orang di luar Islam secara umum dan dengan kaum Yahudi secara khusus (al-Buti, 2000).

Seterusnya Nabi Muhammad SAW menetapkan perjanjian di antara kaum Muslimin dan hubungan mereka dengan bukan Islam melalui Piagam Madinah. Antara intipati perjanjian tersebut ialah baginda menyatakan bahawa orang bukan Islam yang berada di Madinah adalah sebahagian dari orang Islam, mereka diberikan jaminan keselamatan dan dilayan secara adil selagimana mereka tidak berbuat kezaliman mahupun mencemari keamanan yang sedia ada (al-Buti, 2000).

Sabda Nabi SAW:

Ingatlah, Sesiapa yang menzalimi terhadap orang yang diikat perjanjian (kafir zimmi) atau mengurangkan haknya atau membebarkannya melebihi keupayaannya atau mengambil sesuatu daripadanya tanpa kerelaan hatinya maka aku adalah penghalangnya pada hari kiamat.

(HR Abu Daud, no:3054, Hadis Hasan)

Nyata dari perjanjian ini menggambarkan bahawa Islam mengiktiraf perpaduan dalam sesebuah masyarakat merentasi kaum, bangsa mahupun agama. Piagam madinah yang dijadikan asas ini memberi jaminan kebebasan dalam beragama apabila menetapkan bagi Yahudi itu agama mereka dan bagi Mukmin itu agama mereka. Perjanjian ini mengiktiraf hak asasi manusia yang berhak untuk mendapat layanan yang adil dan dalam masa yang sama menegaskan perihal pembelaan golongan minoriti, tugas yang perlu dilaksanakan sebagai seorang warganegara. Hak sebagai seorang warganegara akan sentiasa menjadi milik warganegara tersebut selagimana beliau menghormati dan menerima perjanjian ini dan tidak melakukan pengkhianatan ataupun kezaliman terhadap yang lain.

Dari sini dapat disimpulkan bahawa Islam menuntut umatnya berlaku adil, berbuat baik, menjaga keselamatan sesama warganegara, menghormati di antara satu sama lain. Piagam ini sekaligus menolak tanggapan bahawa Islam ialah agama perkauman dan agama yang mengancam keamanan. Jika disoroti sirah ini, dapat kita lihat baginda s.a.w menetapkan timbangan yang adil dalam melayani rakyat baginda dan juga menegaskan berkenaan soal keselamatan dan keamanan.

2. Berdepan Dengan Pengkhianatan Kaum Yahudi

Mempunyai masyarakat yang berbilang kaum dan agama pasti ada ujian dan halangannya. Pemerintahan Rasulullah s.a.w melalui satu fasa yang genting apabila baginda dan para sahabat berdepan dengan pengkhianatan pertama kaum Yahudi iaitu Bani Qainuqa'.

Peristiwa yang bermula apabila sekumpulan Yahudi bertindak memalukan seorang wanita Muslimah sehingga terdedah aurat beliau. Tatkala mendengar teriakan muslimah tersebut, datang seorang lelaki Muslim yang kebetulan berada di situ lalu membunuh tukang emas Yahudi. Sekumpulan Yahudi yang turut berada di situ pula membunuh lelaki Muslim tadi sebagai membalas dendam terhadap pembunuhan rakannya. Peristiwa yang membangkitkan kemarahan kaum Muslimin ini menyebabkan bermulanya peperangan dengan kaum Yahudi.

Natijah dari kejadian ini, baginda SAW menghalau Bani Qainuqa' keseluruhannya keluar dari Kota Madinah agar perselisihan yang berlaku kerana pengkhianatan mereka itu dapat dihentikan (al-Buti, 2000).

Pengkhianatan seterusnya datang dari Bani Nadhir apabila mereka berpakat untuk membunuh Rasulullah SAW kerana enggan membayar diat (tebusan) yang dikenakan terhadap mereka. Disebabkan perbuatan tersebut, baginda dan para sahabat memberi tempoh sepuluh hari kepada mereka untuk keluar dari tempat mereka meninggalkan Madinah. Namun kerana bisikan Abdullah bin Ubay bin Salul yang mencadangkan agar mereka bertahan menyebabkan mereka berhadapan dengan tindakan Rasulullah menghalau mereka dan tanaman mereka dimusnahkan (al-Buti, 2000).

Kesinambungan dari peristiwa ini harus menjadi pengajaran bagi negara berbilang kaum dan agama agar mengambil serius terhadap insiden-insiden kecil yang kadangkala boleh menggugat kestabilan dan keamanan sesebuah negara. Ini kerana perkara-perkara kecil yang berlaku adakalanya menjadi nanah dalam sesebuah negara seterusnya dijadikan bahan untuk pihak luar menyalakan api permusuhan.

Harus juga ditegaskan, tindakan yang diambil tidak mengira kaum dan agama. Sekiranya Muslim itu sendiri yang menyalakan api permusuhan, maka tindakan juga akan diambil terhadapnya. Setiap kaum mahupun agama mempunyai sensitiviti terhadap sesuatu perkara, oleh yang demikian adalah wajar untuk kita mengenalpasti perkara-perkara yang perlu dijaga agar tidak memasuki sempadan kaum yang lain.

Selain itu, haruslah kita sedar akan sentiasa ada dikalangan kita, orang yang akan sentiasa cuba untuk mengapi-apikan di antara satu kaum dengan kaum yang lain, antara satu agama dengan agama yang lain. Sebagai seorang Muslim, jadikan peringatan dari Allah Taala ini sebagai satu pegangan:

Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita bohong itu adalah dari golongan kamu juga. janganlah kamu kira bahwa berita bohong itu buruk bagi kamu bahkan ia adalah baik bagi kamu. tiap-tiap seseorang dari mereka mendapat balasan dari dosa yang dikerjakannya. dan siapa di antara mereka yang mengambil bahagian yang terbesar dalam penyiaran berita bohong itu baginya azab yang besar.

(al-Qur'an, al-Nur, (4):11)

Seterusnya Allah berfirman:

Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, Maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu.

(al-Qur'an, al-Hujurat (49):6)

Oleh sebab itulah, untuk menghadapi ujian dan halangan-halangan dalam masyarakat majmuk memerlukan kepada perpaduan dan persefahaman. Bagi setiap anggota masyarakat hendaklah sentiasa bekerjasama dalam memastikan keamanan dan kestabilan negara untuk

menuju ke arah kehidupan yang harmoni.

CONTOH PERANAN PARA SAHABAT TERHADAP MASYARAKAT NON MUSLIM

1. Berperanan Sebagai Utusan Dakwah

Didikan Rasulullah SAW terhadap sahabat baginda terserlah apabila baginda mengutuskan sahabatnya sebagai utusan dakwah. Pada peringkat permulaan Rasulullah s.a.w mengutuskan Khalid bin al-Walid ke Najran untuk mengajarkan prinsip-prinsip Islam kepada penduduk di sana. Seterusnya Nabi s.a.w juga mengutuskan Ali r.a ke Yaman untuk tujuan yang sama.

Selain itu, Abu Musa al-Asy'ari dan Muaz bin Jabal juga diutuskan ke Yaman (al-Buti, 2000). Nabi s.a.w berwasiat: Permudah dan jangan mempersulit, Nyatakan khabar gembira dan jangan membuat orang lari daripadamu. Berusahalah dengan penuh keikhlasan dan kekuatan. (Muttafaqun 'alaih).

Tugasan sebagai pendakwah ini berterusan sehingga ke zaman Khulafa' al-Rasyidin. Pada zaman Umar R.A contohnya, terdapat satu pasukan tentera Islam keluar berperang di bawah pimpinan Salman al-Farisi R.A. tatkala mereka berjaya mengepung satu benteng Parsi, tenteranya meminta kepada Salman untuk menggempur benteng tersebut. Walaubagaimanapun Salman menjawab, "Jangan dulu. Biar aku menyeru mereka dahulu, sebagaimana aku pernah mendengar Rasulullah s.a.w menyeru mereka."

Lalu Salman berusaha untuk berbicara dan berdakwah kepada tentera Parsi. Namun menjelang hari ketiga, tentera Parsi masih belum menerima dakwah tersebut menyebabkan Salman dan tenteranya menyerang dan menakluk benteng tersebut (Kandahlawi, 1994)

Rentetan dari tugas ini membuktikan bahawa tanggungjawab seorang Muslim adalah berusaha menyebarkan agamanya dan mengajak orang bukan Islam untuk mengenali Islam yang benar. Ini menunjukkan Rasulullah SAW tidak memadai dengan menunggu orang datang kepadanya untuk menyatakan keislaman namun usaha mengirim utusan juga dilakukan.

Sebagai anggota masyarakat yang berbilang bangsa dan agama sudah pasti kita berpeluang untuk mempraktikkan sebagaimana yang dianjurkan oleh baginda SAW kerana baginda juga datang dari rumpun yang pelbagai dan baginda telah membuktikan baginda tidak pernah berputus asa dalam mengajak orang untuk menganut agama Islam.

Yusuf al-Qaradawi menyatakan bahawa di antara kesilapan kita apabila kita lupa tanggungjawab kita sebagai anggota masyarakat, sebagai seorang Muslim yang harus berusaha untuk melaksanakan tanggungjawabnya dengan kadar dan kemampuan yang ada. (Qaradawi, 2010).

Beliau menegaskan tugas menyampaikan dakwah adalah tugas yang paling agung kerana ia adalah tugas para nabi, dan ini yang menjadikannya berpegang teguh dengan tali kebenaran dan tali agama. Tambahnya lagi, apabila berdakwah seseorang akan berubah kepada bentuk yang baik bagi apa yang didakwahkan kepadanya, dan menjadikannya berpegang teguh dengan pengajaran Islam (Qaradawi, 2004).

2. Memberi Makan

Adalah menjadi satu tradisi bagi para sahabat baginda SAW untuk sentiasa menjamu dan

memberi makan kepada sesiapa sahaja yang datang ke Madinah. Para sahabat dididik oleh baginda s.a.w untuk menerima sesiapa sahaja yang menjadi tetamu mereka termasuklah orang bukan Islam.

Hal ini terbukti di dalam satu riwayat yang dikeluarkan oleh al-Tabrani daripada Maimunah binti al-Haris r. a yang menceritakan bahawa terdapat orang-orang Arab Badwi datang ke Madinah lalu baginda s.a.w memerintahkan agar setiap sahabatnya menjamu tetamu tersebut.

Terdapat seorang lelaki Badwi datang ketika makanan yang ada hanyalah sedikit untuk ditinggalkan kepada Rasulullah SAW, namun lelaki tersebut menghabiskan makanan tersebut tanpa meninggalkannya sedikit pun kepada baginda s.a.w. kejadian ini berlaku dua malam berturut-turut sehingga menimbulkan kemarahan para sahabat.

Namun pada malam yang seterusnya lelaki tersebut hanya makan sedikit sahaja. Apabila ditanya kepada baginda SAW jelaslah bahawa lelaki tersebut telah menganut agama Islam. Lalu baginda SAW bersabda: Orang-orang kafir memenuhi tujuh ususnya manakala orang-orang Islam hanya makan makanan untuk memenuhi satu ususnya (Kandahlawi, 1994).

Di sini dapat kita rumuskan, memberi makan kepada bukan Islam tidak menjadi suatu kesalahan bahkan menjadi suatu perkara yang dituntut agar kita dapat mendekati mereka dan mengeratkan lagi tali persaudaraan sebagaimana yang disebut di dalam athar: Salinglah kamu memberi hadiah, kamu akan saling mengasihi (Suyuti, t.th).

3. Menunjukkan Budi Pekerti Yang Baik

Dalam keadaan para sahabat berhadapan dengan pelbagai karenah dari golongan bukan Islam, ia tetap tidak menghalang mereka untuk terus berbuat baik dan menonjolkan akhlak yang baik. Di antara contoh yang dapat dilihat keperibadian mereka adalah sebagaimana berikut:

1) Layanan Terhadap Tawanan Mesir Ketika Pemerintahan Umar

Ketika para sahabat menakluk Iskandariah, mereka meminta keputusan saidina Umar R.A terhadap apa yang perlu dilakukan terhadap tawanan mereka. Lalu Umar R.A mengirimkan surat dan menyatakan agar para sahabat memberikan pilihan kepada tawanan tersebut samada ingin kekal dengan agamanya atau memeluk Islam:

- a. Bagi mereka yang memeluk Islam maka dia dikira sebagai seorang Muslim, baginya hak ke atas seorang Muslim dan apa jua yang diwajibkan ke atas seorang Muslim.
- b. Bagi mereka yang memilih agamanya maka mereka akan dikehendaki membayar upi. Bagi mereka yang telah lari ke tanah jajahan Arab maka orang Islam tidak lagi mempunyai kuasa ke atasnya.

Lantaran arahan tersebut, para sahabat memberikan pilihan tersebut kepada tawanan. Apabila ada tawanan yang memeluk Islam, para sahabat akan bertakbir menzahirkan kegembiraan. Manakala bagi mereka yang ingin kekal di dalam agamanya, maka mereka dikenakan jizyah (Kandahlawi, 1994).

2) Perbicaraan Khalifah Ali R.A dengan Hakim Syuraih

Kisah ini berlaku ketika Khalifah Ali R.A berjalan di pasar dan melihat seorang Nasrani menjual perisai. Apabila beliau mengenalpasti perisai tersebut adalah milik beliau yang telah dicuri, lalu beliau meminta daripada Nasrani tersebut. Oleh kerana pertelingkahan tersebut tidak dapat diselesaikan lalu dibawa ke Mahkamah.

Apabila didapati Khalifah Ali R.A tidak dapat mendatangkan saksi untuk menyokong pendakwaannya, lalu hakim memutuskan perisai tersebut adalah milik Nasrani itu. Khalifah Ali R.A dengan rela hati menerima penghakiman tersebut. tatkala mendengar keputusan itu, lelaki Nasrani itu terus mengucapkan bahawa penghakiman tersebut adalah penghakiman yang benar, lalu mengakui bahawa perisai itu sememangnya milik Khalifah Ali R.A. Keputusan tersebut menyebabkan lelaki Nasrani itu mengucapkan kalimah syahadah dan memeluk Islam manakala Khalifah Ali R.A menghadihkan perisai tersebut kepadanya (Kandahlawi, 1994).

Masih banyak lagi contoh sikap dan keperibadian para sahabat Nabi yang menggambarkan budipekerti mereka dalam berhadapan dengan bukan Islam. Di sini menunjukkan bahawa keadilan dalam Islam tidak mengira warna kulit, bangsa mahupun agama. Tambahan pada itu, umat Islam tidak diajar oleh agamanya untuk menzalimi sesiapa.

PENGALAMAN MACMA BERDAKWAH KEPADA NON MUSLIM TERUTAMANYA KAUM CINA DI TERENGGANU

MACMA atau nama penuh pertubuhan ini ialah Malaysian Chinese Muslim Association bermatlamat untuk membangunkan komuniti Cina Muslim menjadi satu ummah yang bertaqwa dan berilmu serta mewakili dan menjaga hal ehwal yang berkaitan dengan mereka dalam segala aspek termasuk bimbingan, kebajikan, latihan dan pendidikan, sokongan moral dan pembangunan ekonomi. Mereka juga ingin membantu dan menjadi pihak penyatuan dalam menyemai pengetahuan, kesedaran diri, pengislahan diri terhadap penghayatan Islam serta menjadi penyebar dan pemangkin dakwah Islamiah kepada masyarakat Cina yang belum Islam. Misi mereka juga adalah untuk mengukuhkan tali persaudaraan diantara kaum Cina Muslim Malaysia dengan Muslim dari kaum lain di Malaysia (website rasmi macma, <http://macma.my/main/index.php/objectives-2/>, 22/11/2020, 8.00pm).

Menurut statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia, orang Cina merangkumi 22.8 peratus populasi membentuk populasi bukan Muslim terbesar di negara ini.



Sepanjang pengalaman Macma bermuamalat dengan masyarakat majmuk di Malaysia, mereka menyebut sering terdapat komuniti Cina bermuamalat dengan masyarakat Melayu dan secara tidak langsung membina perhubungan persahabatan antara mereka. Oleh itu, faktor pergaulan dan persahabatan menjadi salah satu punca berlakunya pemeluk agama Islam. Faktor-faktor lain adalah seperti perkahwinan, individu yang mengkaji tentang Islam dan dorongan keluarga yang sudah memeluk Islam (Azarudin, 2015). Ada kalanya pergaulan itu bermula sejak kecil lagi dan hubungan yang terjalin di antara mereka begitu rapat sehingga membuatkan mereka tertarik dengan cara kehidupan orang Islam setempat terutamanya bagi mereka yang mendiami kawasan perkampungan yang majoriti penduduknya ialah Melayu sebagaimana yang terjadi kepada Dr Ridhuan Tee Abdullah dan adiknya Ahmad Borhan Tee Abdullah (Abdullah Yusof & Siti Nor Aisyah Binti Ngadiran, 2010).

Komuniti Cina Muslim juga memainkan peranan penting membantu menyampaikan mesej yang jelas kepada orang yang bukan Muslim untuk memahami konsep Islam. Ini kerana menurut kajian Mariam et al. (2020), faktor utama yang mendorong golongan mualaf memeluk Islam ialah kefahaman dan kebenaran Islam. Mereka membuat keputusan untuk memeluk Islam untuk menemui makna hidup dan mencari ketenangan.

Saudara Cina Muslim memainkan peranan dakwah yang besar apabila mereka berinteraksi dengan masyarakat Cina yang bukan Muslim termasuk keluarga mereka sendiri dengan menjelaskan tentang praktis agama Islam melalui amalan-amalan keagamaan seperti solat, berpuasa, menutup aurat melalui pengalaman mereka sendiri serta berperanan membetulkan persepsi negatif kepada mereka melalui penglibatan bersama dalam budaya asal (Azarudin et al. 2019).

Pengalaman Macma menganjurkan banyak program tentang budaya asal Cina dengan bertujuan berdakwah dengan memberi kefahaman, kesedaran dan menghormati kepercayaan dan amalan budaya masing-masing. Bagi masyarakat Cina Muslim, perbezaan agama tidak menghalang mereka untuk mengekalkan peradaban mereka. Program Tahun Baharu Cina yang dianjurkan oleh Macma pada 8 Februari 2020 disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Menteri Jabatan Perdana Menteri Mujahid Yusof Rawa. Menurut Jakim, “Tujuan program adalah untuk memperkenalkan konsep keindahan bermasyarakat yang hidup berbilang bangsa dan agama dalam persekitaran harmoni. Selain itu ia juga untuk merai dan menyantuni masyarakat Tionghua sempena sambutan Tahun Baharu Cina, di samping menangkis salah tanggapan bahawa jika memeluk agama Islam itu sebagai masuk Melayu. Selain itu, ia juga bertujuan menunjukkan bahawa mana-mana adat sesuatu bangsa yang tidak bercanggah dengan syariat boleh diterima dalam Islam” (Geraldine Tong, Malaysiakini Online 8 Februari 2010). Ini secara tidak langsung, ia dapat mengekalkan kebudayaan dan tradisi Cina mereka.

Professor Taufik Yap Yun Hin, Presiden Macma mengatakan bahawa ‘Hasil interaksi dan pemahaman dalam kepelbagaian bahasa dan budaya, mereka menjadi generasi Malaysia yang unik. Cina Muslim memiliki jati diri sebagai seorang Islam tanpa mengabaikan peradaban asal. (My Metro, 17 January). Inilah cara Cina Muslim mendekati keluarga asal mereka yang Non Muslim seperti yang disebut oleh Saudara Firdaus Wong pada 5hb Februari 2019, beliau menyebut ‘Secara peribadi, selepas memeluk Islam saya semakin rapat dengan ibu dan bapa. Saya berasakan memiliki tanggungjawab yang besar untuk berdakwah kepada mereka supaya lebih mengenali Islam dengan harapan mereka akan dikurniakan hidayah oleh Allah SWT’

Alhamdulillah, pada 25hb Oktober, 2019. Ibu Saudara Firdaus Wong mengucapkan syahadah (Rancangan TV3: Syariah, 18 Jun 2020).

Ramai mualaf disindir oleh keluarga kerana memeluk Islam dan dilabel ‘sebagai masuk Melayu’ apabila ibu bapa keluarga saudara baru Cina mendapati bahawa anak mereka telah menukar nama kepada nama Muslim dengan ‘Bin Abdullah’ terutama untuk anak lelaki (Kawangit, 2016). Ini kerana masyarakat Cina tidak sanggup melihat keturunan mereka pupus dan hilang hanya disebabkan memeluk Islam. Dalam sistem kekeluargaan masyarakat Cina, anak lelaki adalah pewaris nama keluarga dan bakal meneruskan zuriat keturunan. Anak lelaki juga yang bertanggungjawab menguruskan upacara pengebumian apabila ibubapa meninggal. Selain itu juga, anak lelaki akan menggalas tanggungjawab sebagai penghubung antara anggota keluarga yang meninggal dunia dengan generasi yang akan datang (Kawangit, 2013).

Dari aspek peradaban warisan keturunan, isu menukar nama yang menjadi antara faktor penghalang orang Cina untuk membenarkan anak mereka memeluk Islam, oleh sebab itu isu ini boleh diselesaikan apabila saudara baru Cina tidak digalakkan menukar nama asal mereka. Untuk orang Cina, nama dan maruah keluarga mestilah di jaga dengan sebaiknya tanpa kecacatan (Ann Wang Seng, 2011). Untuk memudahkan dakwah, Macma mengambil langkah untuk memberitahu masyarakat Cina bahawa menukar nama bapa tidak diwajibkan atas seorang yang ingin memeluk Islam. Malah ditegah oleh Islam sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari 6269 dan Muslim yang bermaksud “Barangsiapa yang mengaku anak dari selain ayahnya, padahal dia tahu bahawa yang diakuinya itu bukan ayahnya, maka haram baginya syurga”. Pada 11 Disember 2019, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Mashitah Ibrahim pada masa itu mengesahkan bahawa tiada sebarang peruntukan undang-undang mewajibkan mualaf untuk menukar nama kepada nama Islam dan menukar kad pengenalan dengan maklumat baharu (My Star, 11 Disember, 2019).

Macma juga menggunakan kaedah dakwah dengan menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat Cina dalam bahasa ibunda mereka. Dengan menggunakan bahasa mereka sendiri, orang Cina bersifat peramah dan mudah mesra dan ini adalah cara terbaik untuk dekati mereka. Ini selaras dengan pandangan Kawangit (2013) apabila isu ini dibincang dalam buku beliau “Dakwah Kepada Mualaf”.

Macma juga menjalankan aktiviti dakwah di masjid-masjid bawah Mosque Tour Program dengan menggunakan kaedah berkomunikasi dengan pelancung dalam bahasa ibunda mereka sendiri (Azarudin, 2019). Kaedah ini juga digunakan oleh Macma dalam program dakwah lain seperti *Street Dakwah* dan *Interfaith Dialog*. Kaedah dakwah ini mendekatkan orang bukan Muslim kepada konsep fitrah yang sama dengan orang lain. Orang Cina memberi penekanan aspek pembentukan ahklak dan pembinaan moral di kalangan keluarga dan masyarakat yang seiring dengan syariat Islam. Mereka memilih falsafah dan nilai etika yang diterima pakai oleh orang Cina sejajar dengan fitrah mereka. Justeru itu, Islam akan menjadi pilihan mereka sekiranya pemahaman dapat dipupuk dalam jiwa mereka (Ann Wang Seng, 2011).

Sejarah pencapaian peradaban orang Cina dalam bidang ekonomi juga menjadikan mereka sebagai salah satu golongan yang disegani (Kawangit, 2013). Kami biasa mendengar ibubapa saudara baru mengeluh dengan ayat yang hampir sama seperti, ‘ “Mengapa kamu peluk agama yang pasti gagal mendidik kamu menjadi insan pragmatis dan realistik! Moyang kamu datang ke tanah ini sehelai sepinggang. Dan akhirnya berkat falsafah Cina, kita berjaya

membina ekonomi dan keluarga yang mantap. Kamu sudah mengkhianati warisan nenek-moyang kamu! Kamu tak akan berjaya dalam hidup!” Inilah wacana Cina pra-Youtube yang ingin membela warisan mereka (Abdul Naser, t.th). Untuk memecahkan salah faham bahawa Islam membawa kepada kepaparan, satu kaedah dakwah yang digunakan oleh Macma ialah memaparkan saudara Muslim yang telah mencapai sukses di dunia perniagaan contohnya kejayaan Dato Mohd Chan yang mempunyai 18 cawangan restoran masakan Cina yang halal di Lembah Klang (Mystar, 28 Disember 2018).

Komuniti Cina Non Muslim mempunyai persepsi stereotaip negatif terhadap Islam bahawa ia merupakan agama teroris, tertutup dan keadaan ini bermasalah memburukkan lagi keadaan (Muhammad Nazmi & Jaffary 2016). Abdul Naser (t.th), yang dikenali dengan nama glamour beliau sebagai ‘XiFu Naser’ dalam kalangan pendakwah mengatakan bahawa, ‘Adalah saudara baru mula sedar bahawa mereka memainkan peranan yang utama dalam mempelajari ilmu-ilmu tentang Islam sampai peringkat sarjana untuk melawan arus ekstremis dan rasis, Dengan keserjanaan mereka akan dapat menonjolkan Islam sebagai agama multikultural, bukan agama monokultural.’

Dengan pengalaman ini, Macma memainkan peranan dakwah yang penting dengan membantu memecahkan salah faham bahawa Islam bukan agama untuk orang Melayu atau orang Arab sahaja. Pada halnya Islam adalah agama universal dan Islam diturunkan sebagai rahmat bagi sekalian alam.

KESIMPULAN

Dari sedikit contoh yang dapat dikongsi ini, jelas kepada kita rentetan sirah Rasulullah SAW dan akhlak yang ditonjolkan oleh para sahabat ini bahawa Islam adalah agama yang menyeru kepada berbuat baik sesama insan walaupun berbeza agama. Malahan Islam tidak pernah memandang rupa paras, warna kulit dan keturunan seseorang sebagai alat ukur kerana taqwa adalah timbangannya.

Bertitik tolak dari kepimpinan Rasulullah SAW ini juga para ulama menggariskan beberapa perkara yang dapat diadaptasi dari pemerintahan baginda s.a.w iaitu berkenaan hak dan tanggungjawab orang bukan Islam. Antara hak mereka ialah diharamkan darah dan harta mereka dari diambil secara tidak sah, diharamkan menzalimi mereka, membebaskan mereka melebihi keupayaan mereka.

Manakala dari segi tanggungjawab pula, mereka hendaklah menghormati umat Islam dengan tidak mencaci, menipu dan memperdaya mereka sebagaimana yang telah dilakukan oleh Bani Qainuqa’ dan Bani Nadhir ketika pemerintahan baginda s.a.w. walaupun mereka dibenarkan mengamalkan agama mereka tetapi mereka tidak dibenarkan menyebarkan sesuatu daripada syiar agama mereka sehingga mengganggu gugat kepentingan Islam (al-Anbary, 2008).

Dalam konteks masyarakat Malaysia, kita perlu memahami budaya agama dan bangsa lain agar keharmonian dan kesepaduan sesama ahli masyarakat dan Warga negara dapat diwujudkan dan berterusan. Kita boleh mengambil contoh pendekatan yang dibawa oleh Macma dalam mendekati dan berdakwah kepada masyarakat Cina di negara ini, antaranya memfokuskan kepada perkara-perkara asas agama, meraikan budaya dan adat masyarakat Cina yang tidak bertentangan dengan syariat dan sentiasa mewujudkan hubungan yang berterusan

dengan Muallaf agar kebajikan mereka juga terpelihara.

Oleh yang demikian, diharapkan dengan penjelasan serta contoh yang diberikan tadi dapat membantu umat Islam untuk mengadaptasi seterusnya mengamalkan sebagaimana yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat dalam bermuamalat dengan golongan bukan Islam.

RUJUKAN

al-Qur'an al-Karim.

Afzalur Rahman. 1999. *Indeks al-Quran*. Edisi terjemahan. KL: Percetakan Zafar.

Al-Anbary, Khalid bin Ali bin Muhammad. 2008. *Fiqh al-Siyasah al-Shar'iyah fi Daw' al-Quran wa al-Sunnah wa Aqwal al-Salaf*. Edisi terjemahan. KL: Telaga Biru Sdn.Bhd.

Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 2000. *Fiqh al-Sirah: Dirasat Manhajiyyah 'Ilmiyyah li Sirat al-Mustafa 'Alaihi Salat wa Salam*. Edisi terjemahan. KL: Percetakan Zafar.

Al-Qaradawi, Yusuf. 2004. *Kewajipan Generasi Muda Islam Hari Ini*. Edisi terjemahan. t.tp.: t.pt.

Al-Qaradawi, Yusuf. 2010. *Ayna al-Khalal*. Edisi terjemahan Johor: Jahabersa.

Edward T. Hall. 1976. *Beyond Culture*, Anchor Books/Doubleday. t.tp.: t.pt.

Ibn Kathir, Abu Fida' al-Hafiz al-Dimashqi. (t.th). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Kaherah: Dar Ihya' al-kutub al-'Arabiyyah.

Ismail, I. R., & Lawrence, J. 2012. Investigating Intercultural Communication Across Ethnic Diversity: A Preliminary Study At University Malaysia Terengganu. In *Proceedings of the 2nd Malaysian Postgraduate Conference (MPC 2012)*, hal. 101-130. Education Malaysia, Sydney (EMAS).

Kandahlawi, Muhammad Yusof. 1994. *Hayat al-Sahabah*. Edisi terjemahan. KL: Darul Nu'man.

Maktabah Syamilah, CD-ROM, edisi ke-2.

Tamam, E., & Waheed, M. 2017. Intercultural communication study in Malaysia. *The International Encyclopedia of Intercultural Communication*. t.tp.: t.pt.